

BAHAGIAN A - TAKSIRAN INDIVIDU

[40 Markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)



Murid Berkeperluan Khas (MBK) ialah murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu. Antara ketidakupayaan tersebut termasuklah dari segi penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, dan masalah pembelajaran. Contoh masalah pembelajaran ialah autisme, sindrom kurang daya tumpuan, dan disleksia. Oleh sebab itu, MBK perlu mengikuti pendidikan khas agar tidak ketinggalan sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Individu autisme adalah antara yang tergolong sebagai MBK. Mereka boleh mengikuti pendidikan melalui sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi, atau program pendidikan inklusif. Semasa berumur dua hingga enam tahun, individu autisme perlu mengikuti program intervensi awal untuk dilatih berkomunikasi, berinteraksi dan mengurus diri. Kemahiran ini penting untuk mereka mengikuti alam persekolahan. Individu autisme mempunyai kekurangan tertentu tetapi mereka mungkin mempunyai bakat dalam bidang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mendidik Insan Istimewa',
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan, Tahun 2020.

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan bentuk ketidakupayaan Murid Berkeperluan Khas (MBK)?
2. Mengapakah murid autisme yang berumur dua hingga enam tahun perlu mengikuti program intervensi awal?
3. Pada pendapat anda, apakah peluang pekerjaan yang boleh dilakukan oleh murid-murid berkeperluan khas?
4. Huraikan cara-cara untuk memastikan golongan MBK mendapat peluang pendidikan yang sewajarnya.

CADANGAN JAWAPAN

1. Bentuk ketidakupayaan Murid Berkeperluan Khas (MBK)? ialah
2. Murid autisme yang berumur dua hingga enam tahun perlu mengikuti program intervensi awal kerana
3. **Pada pendapat saya, peluang pekerjaan yang boleh dilakukan oleh murid-murid berkeperluan khas ialah** bekerja di sektor kraftangan. **Selain itu**, mereka boleh bekerja di sektor perkhidmatan.

Cadangan isi lain bagi soalan 3

- Bekerja sebagai pendidik
- Bekerja di sektor makanan

4. **Cara-cara untuk memastikan golongan MBK mendapat peluang pendidikan yang sewajarnya** ialah Kerajaan mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak berkeperluan khas belajar di sekolah.

Cadangan isi lain bagi soalan 4

- Kerajaan membina lebih banyak sekolah khusus untuk golongan ini
- Kerajaan mengadakan kempen untuk menyedarkan Masyarakat hak Pendidikan sama rata untuk golongan ini
- Masyarakat disaran tidak menganaktirikan golongan ini khususnya dalam mendapatkan peluang pendidikan

MODUL KEMUDI UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

(KUMPULAN)

TEMA: PENDIDIKAN

CONTOH SOALAN

Pendidikan memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat.

Bincangkan.

PENTAKSIRAN KUMPULAN (12 – 15 MINIT)

SKRIP CONTOH

PENGENALAN (2 MINIT)	
CALON 1	Assalamualaikum wbt dan selamat pagi saya ucapkan kepada semua rakan-rakan. Saya ... (Nama)..... Saya akan memulakan perbincangan berkumpulan kita pada hari ini. Terlebih dahulu, bolehkah rakan-rakan memperkenalkan nama masing-masing.
CALON 2	Assalamualaikum dan selamat pagi. Nama saya
CALON 3	Assalamualaikum dan selamat pagi. Nama saya
CALON 4	Assalamualaikum dan selamat pagi. Nama saya
CALON 1	Nampaknya, semua telah memperkenalkan nama masing-masing. Tanpa melengahkan masa saya akan meneruskan perbincangan kita pada hari ini. Topik perbincangan kita pada hari ini berkaitan tentang PENDIDIKAN (TEMA YANG DIBERIKAN) Fokus perbincangan kita pada hari ini ialah Pendidikan memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat. (FOKUS TOPIK YANG DITETAPKAN)

PERBINCANGAN BERFOKUS

(6 MINIT)

<p>CALON 1</p> <p>Pendidikan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat</p>	<p>Terlebih dahulu izinkan saya untuk memberikan pendapat berkaitan topik yang diberikan.</p> <p>Pada pendapat saya, Pendidikan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat .(ISI).</p> <p>Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang dididik cenderung mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi secara ekonomi. Individu yang mendapat pendidikan yang baik lebih cenderung untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik, menjana pendapatan yang lebih tinggi, dan berpeluang untuk mengakses pelbagai peluang ekonomi. (HURAIAN)</p> <p>Sebagai contohnya, Masyarakat di Malaysia ditekankan dengan Pendidikan sains dan teknologi di kebanyakan sekolah di Malaysia. CONTOH).</p> <p>Kesannya hal ini dapat lebih ramai profesional dan tenaga kerja mahir berkaitan sains dan teknologi seperti doktor dan jurutera dapat dilahirkan. Umum sedia maklum, bidang-bidang ini memberikan gaji yang lumayan .(KESAN/IMPAK)</p> <p>Jelaslah bahawa melalui Pendidikan, Masyarakat dapat meningkatkan taraf hidup mereka.</p> <p><i>(ISI> HURAIAN> CONTOH>KESAN>PENEGAS)</i></p> <p>Bagaimana dengan pendapat rakan-rakan yang lain?</p>
<p>CALON 2</p> <p>Pendidikan mampu membangunkan negara.</p>	<p>Sebelum saya memberikan pendapat, saya sangat bersetuju dengan pendapat saudara/saudari sebentar tadi.</p> <p>Pada pandangan saya pula,</p> <p><i>(ISI> HURAIAN> CONTOH>KESAN>PENEGAS)</i></p> <p>Itu sahaja pendapat saya berkenaan topik ini.</p>
<p>CALON 3</p> <p>Penndidikan mampu mentamadunkan manusia</p>	<p>Ya, Saya amat tertarik dengan pendapat yang diutarakan oleh saudari/saudari</p> <p>Pendapat saya mengenai fokus perbincangan hari ini pula ialah.....</p> <p><i>(ISI> HURAIAN> CONTOH>KESAN>PENEGAS)</i></p> <p>Saya rasa itu sahaja pendapat saya.</p> <p>Mungkin rakan lain ingin memberi pendapat. Silakan.</p>

<p>CALON 4</p> <p><i>Pendidikan mampu meningkatkan inovasi dan teknologi negara</i></p>	<p>Nampaknya, pendapat daripada rakan-rakan saya sangat bernas.</p> <p>Pada pendapat saya pula</p> <p>(ISI> HURAIAN> CONTOH>KESAN>PENEGAS)</p> <p>Itu sahaja daripada saya.</p>
<p>CALON 1</p>	<p>Wahhh, sungguh teruja saya mendengar pendapat rakan-rakan pada hari ini.</p> <p>Pendapat yang sangat bernas dan bagus sekali.</p>

**PERBINCANGAN TERBUKA
(4 MINIT)**

<p>CALON 2</p> <p><i>Kerajaan mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mendapatkan Pendidikan formal di sekolah</i></p>	<p>Nampaknya, keempat-empat rakan telah mengutarakan pendapat yang bernas serta memberikan kupasan yang menarik.</p> <p>Tanpa melengahkan masa, mari kita teruskan perbincangan pada hari ini.</p> <p>Saya mempersilakan kepada mana-mana rakan untuk memberikan pendapat dan pandangan lain?</p> <p>(PANDANGAN PENGENDALI)</p> <p>Jika rakan-rakan masih berfikir, izinkan saya untuk memberikan pendapat tentang topik perbincangan pada hari ini. Pada pandangan saya, dalam memperkasakan Pendidikan di Malaysia Kerajaan mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mendapatkan Pendidikan formal di sekolah. (ISI)</p> <p>Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang mampu menyedarkan ibu bapa tentang kepentingan Pendidikan kepada anak-anak.(HURAIAN)</p> <p>Sebagai contohnya, Kerajaan Malaysia telah menggubal undang-undang yang memperuntukkan mana-mana ibu bapa yang gagal menyekolahkan anak mereka tanpa sebab yang jelas akan dikenakan tindakan undang-undang. (CONTOH)</p> <p>Kesannya, tiada mana-mana rakyat Malaysia yang keciciran Pendidikan .(KESAN/IMPAK)</p> <p>Jelaslah bahawa Langkah Kerajaan mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak untuk mendapatkan Pendidikan formal di sekolah mampu memperkasakan pendidikan.(PENEGAS)</p>
<p>CALON 3</p> <p><i>Ibu bapa memberikan Pendidikan separa formal di rumah di peringkat awal lagi.</i></p>	<p>Pada pendapat saya pula, selain (PENDAPAT CALON 2),.....</p> <p>Saya rasa itu sahaja pendapat saya.</p>
<p>CALON 4</p> <p><i>Media melaksanakan kempen tentang kepentingan Pendidikan di mana-mana platform</i></p>	<p>Pada pandangan saya, selain (PENDAPAT CALON 2), (PENDAPAT CALON 3).....</p> <p>Saya rasa itu sahaja pendapat saya.</p>

<p>CALON 1</p> <p><i>Masyarakat membudayakan Pendidikan dalam kehidupan seharian</i></p>	<p>Pada hemat saya, selain (PENDAPAT CALON2), (PENDAPAT CALON 3), (PENDAPAT CALON 4).....</p> <p>Saya rasa itu sahaja pendapat saya.</p>
<p>CALON 2</p>	<p>Sungguh bernas sekali pendapat daripada saudara/saudari.....dansaudara/saudari.</p> <p>Saya sangat menyokong pandangan tersebut.</p>

**PENUTUP
(3 MINIT)**

CALON 1 Pihak kerajaan	<p>Nampaknya, kesemua rakan-rakan saya cukup aktif dalam perbincangan pada hari ini.</p> <p>Namun, masa mencemburui kita.</p> <p>Saya mempersilakan setiap rakan untuk membuat sedikit kesimpulan berdasarkan topik perbincangan pada hari ini.</p> <p>(PANDANGAN PENGENDALI)</p> <p>Jika rakan-rakan masih berfikir, izinkan saya untuk membuat kesimpulan tentang topik perbincangan pada hari ini.</p> <p>Sebagai kesimpulannya, pihak kerajaan memainkan peranan utama untuk memperkasakan Pendidikan di Malaysia. (CADANGAN DAN HARAPAN)</p>
CALON 2 Ibu bapa	<p>Apa yang dapat saya simpulkan melalui perbincangan pada hari ini ialah ibu bapa perlulah.....(CADANGAN DAN HARAPAN)....</p>
CALON 3 Media massa	<p>Apa yang dapat saya simpulkan melalui perbincangan pada hari ini ialah masyarakat haruslah.....(CADANGAN DAN HARAPAN)....</p>
CALON 4 Masyarakat	<p>Apa yang dapat saya simpulkan melalui perbincangan pada hari ini ialah pihak sekolah(CADANGAN DAN HARAPAN)....</p>
CALON 1	<p>Terima kasih atas kesimpulan yang diberikan oleh semua rakan pada hari ini.</p> <p>Tamatlah sudah perbincangan kita pada hari ini.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>